



MENGAMALKAN NILAI MURNI KITA  
MELINDUNGI PERKARA  
YANG PENTING



IRON  
MOUNTAIN®

# KOD ETIKA dan TATAKELAKUAN PERNIAGAAN





# KITA MENGAMALKAN NILAI MURNI KITA SETIAP HARI, DI MANA- MANA SAHAJA KITA BEROPERASI.

—Bill Meaney, CEO

## Mesej daripada Bill Meaney, CEO

Rakan Mountaineer,

Kepercayaan. Memang sukar diperoleh dan cukup mudah hilang. Kini, selama hampir tujuh dekad, Nilai murni kita dan cara kita mengamalkannya merupakan sebab utama pelanggan, rakan kongsi dan pemegang saham mempercayai kita. Nilai murni kita ini mendorong tingkah laku kita dan mewakili cita-cita kita yang paling penting.

**Bertindak dengan Integriti, Keselamatan dan Keterjaminan Sendiri, Bina Nilai Pelanggan, Berkongsi Tanggungjawab dan Menggalakkan Rangkuman dan Kerja Berpasukan.**

Kod ini ialah cara kita mengamalkan Nilai murni.

Ia memberi kita keyakinan, terutamanya apabila membuat keputusan undang-undang dan etika. Ia membantu kita mematuhi undang-undang, peraturan dan pengawalan yang mempengaruhi perniagaan kita. Ia membimbing pilihan kita, walaupun di bawah keadaan yang mencabar.

Baca dokumen ini secara teliti, agar anda dapat memahami dan mengikuti dasar dan Nilai murni kita apabila anda datang bekerja dan memenangi peluang perniagaan sebagai Mountaineer.

Ingin, kepercayaan bermula dengan anda. Bersuara!

Kita tidak boleh leka tentang Kod dan perkara yang diwakilinya. Jadi, jika anda percaya bahawa seseorang tidak mengamalkan Kod atau Nilai murni kita, beritahulah orang lain. Faham bahawa kita tidak akan bertolak ansur dengan tindakan balas terhadap sesiapa yang menyuarakan kebimbangan.

Kejayaan kita dan reputasi kita bergantung pada pematuhan Kod kita. Bagi pihak Lembaga Pengarah dan pihak kepimpinan eksekutif kita, saya mengucapkan terima kasih kerana Mengamalkan Nilai Murni Kita dan Melindungi Perkara yang Penting.

Yang benar,

Bill Meaney

# KANDUNGAN

**10**

## MENGAMALKAN NILAI MURNI KITA, MELINDungi PERKARA YANG PENTING

Bersuara!

Tanggungjawab Kita Di Bawah Kod

**18**

## BERTINDAK DENGAN INTEGRITI

Bersaing dengan Sengit tetapi Adil

Mengumpulkan Risikan Daya Saing

Mengelakkan Konflik Kepentingan

Mengurus dan Mendedahkan Rekod yang Tepat

Mematuhi Peraturan Sekatan dan Perdagangan Antarabangsa

Mencegah Sogokan dan Rasuah

Bertukar-tukar Hadiyah dan Hospitaliti dengan Sewajarnya

**36**

## MEMPERKASAKAN PASUKAN KITA

Menghormati dan Melindungi Rakan Mountaineer

Menghargai Rangkuman dan Kepelbagai

Mengamalkan Keselamatan Sepanjang Masa

Menggunakan Sistem Teknologi dan Maklumat dengan Selamat dan Bertanggungjawab

Melindungi Maklumat Sulit dan Harta Intelek Kita

Melindungi Aset Kita yang Paling Bernilai

Penggunaan Media Sosial dengan Berkesan dan Bertanggungjawab

Penjualan dan Pemasaran Berintegriti

**56**

## MEMBINA KEPERCAYAAN DENGAN PELANGGAN DAN KOMUNITI

Menghormati Privasi

Melindungi Alam Sekitar dan Menyumbang kepada Komuniti Kita

Menghormati Hak Asasi Manusia dan Mencegah Perhambaan Moden

Memilih Rakan Kongsi yang Betul

Melindungi Jenama dan Reputasi Kita

Politik di dalam dan di luar Tempat Kerja

Melarang Perdagangan Orang Dalam

**74**

## TALIAN ETIKA IRON MOUNTAIN

Talian Etika Iron Mountain

# NILAI MURNI KITA

mentakrifkan diri kita. Ia membimbing tindakan kita sebagai Mountaineer.

# REPUTASI KITA

sebagai syarikat yang beretika membantu kita mengambil dan membangunkan kakitangan yang terbaik, membina kepercayaan dengan pemegang kepentingan kita dan membuka pintu kepada pasaran baharu.

Walapun Kod menangani banyak isu yang mungkin kita hadapi sebagai Mountaineer, tiada dokumen yang dapat meliputi segala-galanya. Jika tiada jawapan dalam Kod, atau anda ingin mendapatkan maklumat tambahan tentang mana-mana topik Kod, anda boleh:

- Berbincang dengan pengurus anda
- Semak dasar yang berkaitan
- Hubungi Pasukan Privasi dan Pematuhan Global



# MENGAMALKAN NILAI MURNI KITA

## MELINDUNGI PERKARA YANG PENTING





**SETIAP INDIVIDU  
BERHAK  
BERSUARA DI  
IRON MOUNTAIN**

**14** Bersuara!

**16** Tanggungjawab Kita Di Bawah Kod

# BERSUARA!

Jika anda tidak pasti tentang keadaan tertentu atau anda berasa seseorang melakukan sesuatu yang salah, ia merupakan kewajipan anda sebagai Mountaineer untuk bersuara.

Dengan menyuarakan kebimbangan, syarikat boleh menyiasat dan menangani masalah tersebut agar ia tidak berlaku lagi.

## Apakah Talian Etika?

Talian Etika Iron Mountain membolehkan anda menyuarakan kebimbangan anda secara sulit dan (jika tidak melanggar undang-undang) secara tanpa nama. Laporan akan diambil oleh sebuah syarikat bebas dan kemudian dihantar kepada Iron Mountain untuk semakan, siasatan, dan tindakan sewajarnya.

Talian Etika sentiasa tersedia. Lawati [www.IMEthicsLine.com](http://www.IMEthicsLine.com) atau rujuk bahagian belakang Kod untuk mendapatkan nombor telefon tempatan anda.

### ANDA JUGA BOLEH MEMAKLUMKAN:

- Pengurus atau penyelia anda
- Sumber Manusia
- Global Privacy and Compliance
- Global Safety, Risk, and Security
- Penasihat Undang-undang Iron Mountain

## Apakah yang berlaku selepas anda melaporkan salah laku?

Semua laporan tentang salah laku akan disiasat dengan segera, teliti dan secara objektif. Laporan anda akan kekal sulit, setakat yang termampu.

Jika penyiasatan berkait dengan aktiviti jenayah yang disyaki, kami akan melibatkan semua pihak berkuasa penguat kuasa undang-undang dan menyokong proses undang-undang sepenuhnya.

Selepas penyiasatan selesai, kami akan mengambil tindakan disiplin sewajarnya dan membuat perubahan yang diperlukan untuk memastikan bahawa perkara tersebut tidak berlaku lagi. Kami juga akan memberi anda kemas kini tentang keputusan laporan anda.

## Bersuara di Iron Mountain adalah selamat


Iron Mountain tidak bertolak ansur dengan tindakan balas. Ini ialah satu daripada bentuk salah laku paling teruk.

### Terdapat pelbagai bentuk tindakan balas, termasuk:

- Gangguan atau ancaman
- Penurunan pangkat atau pemecatan
- Pengurangan waktu bekerja atau peluang bekerja lebih masa
- Penilaian prestasi negatif yang tidak berdasas
- Direndahkan oleh pengurus atau dijauhi rakan sekerja

Apa-apa bentuk tindakan balas yang dilakukan terhadap seseorang yang telah menyuarakan kebimbangan dengan niat baik akan dikenakan akibat yang serius, sehingga dan termasuk penamatkan pekerjaan.

Walaupun syarikat akan memantau tindakan balas dan cuba menghalangnya, ingat bahawa setiap Mountaineer bertanggungjawab untuk melaporkan tindakan balas jika anda melihatnya.



# TANGGUNGJAWAB KITA DI BAWAH KOD

## Siapakah yang mesti mematuhi Kod ini?

Setiap individu yang menjalankan perniagaan untuk Iron Mountain mesti mematuhi Kod ini, termasuk pekerja, pegawai, ejen dan ahli Lembaga Pengarah. Kod ini dikenakan kepada semua unit perniagaan, entiti perundungan, usaha sama terkawal, ahli gabungan dan rakan kongsi Iron Mountain di seluruh dunia. Tiada yang terkecuali. Sekiranya dasar atau piawaian tempatan berbeza dengan Kod, piawaian yang lebih ketat akan terpakai.



16

Rakan niaga yang bekerjasama dengan kita atau bagi pihak kita, termasuk pembekal, vendor, kontraktor, konsultan, kakitangan sementara, pekerja kontinjen, dan orang lain mesti mematuhi prinsip yang dinyatakan dalam Tatakelakuan Pembekal dan mengekalkan piawaian kelakuan perniagaan kita yang tinggi.

## Semua Mountaineer, pada setiap tahap syarikat kita, bertanggungjawab untuk:

- **Mengamalkan** Nilai murni kita
- **Mengikut** Kod, dasar, prosedur kita serta undang-undang
- **Bersuara** jika anda mendapati salah laku
- **Menyelesaikan** latihan pematuhan anda tepat pada masanya
- **Membantu kami** apabila kami menyiasat salah laku
- **Bertanya** apabila anda tidak tahu perkara yang perlu dilakukan

## Pengurus dan Pimpinan mempunyai tanggungjawab tambahan untuk:

- **Bincangkan** Kod dan Nilai murni kita semasa mesyuarat pasukan dan ulasan prestasi pekerja
- **Memberi ganjaran** untuk tindakan kepimpinan yang beretika
- **Berbincang** dengan pasukan anda tentang cara tindakan tersebut berkaitan dengan kejayaan kita
- **Pastikan** pekerja selesa semasa bertanya soalan dan menyuarakan kebimbangan
- **Menunjukkan** cara pekerja boleh melaporkan salah laku
- **Menegaskan** bahawa kita tidak bertolak ansur dengan tindakan balas.
- **Pastikan** rakan kongsi kita (seperti konsultan atau pekerja sementara) juga bertindak selaras dengan Nilai murni kita

## Penepian

Dalam situasi luar biasa, penepian boleh diberikan oleh Penasihat Undang-undang kita. Penepian sedemikian akan dipertimbangkan secara berhati-hati dengan memikirkan Nilai murni kita dan dide dahkan seperti yang diperlukan oleh undang-undang.

17

# BERTINDAK DENGAN INTEGRITI





**IRON  
MOUNTAIN  
MENANG  
ATAS MERIT**

- 22** Bersaing dengan Sengit tetapi Adil
- 24** Mengumpulkan Risikan Daya Saing
- 26** Mengelakkan Konflik Kepentingan
- 28** Mengurus dan Mendedahkan Rekod yang Tepat
- 30** Mematuhi Peraturan Sekatan dan Perdagangan Antarabangsa
- 32** Mencegah Sogokan dan Rasuah
- 34** Bertukar-tukar Hadiah dan Hospitaliti dengan Sewajarnya

# BERSAING DENGAN SENGIT TETAPI ADIL

Iron Mountain percaya bahawa pasaran yang bebas dan berdaya saing menawarkan peluang terbaik kepada kita untuk berjaya. Kita mengakui bahawa tanggapan ketidakadilan atau penipuan semata-mata dalam amalan berdaya saing kita akan menjepakan peluang kita untuk berjaya secara langsung. Dengan menyampaikan nilai dan menyediakan perkhidmatan yang terbaik, kita akan mengatasi pesaing dan membina kepercayaan jangka panjang bersama pelanggan kita.



## Cara Kita Bertanggungjawab

**Undang-undang persaingan adil berbeza mengikut negara, tetapi prinsip berikut tetap sama:**

- Mengelakkan penjanjian rasmi atau tidak rasmi dengan pesaing untuk:
  - Mengelak harga tertentu untuk perkhidmatan (penetapan harga)
  - Memanipulasi proses pembidaan (manipulasi bida)
  - Membahagikan pasaran mengikut geografi atau pelanggan (pengagihan pasaran)
- Mengelak daripada ungkapan yang memperkecilkan pesaing kita atau perkhidmatan mereka
- Hanya membuat dakwaan yang jujur, tepat, dan tidak berlebihan tentang perkhidmatan kita sendiri
- Tidak mencampur tangan dalam kontrak perniagaan sedia ada pelanggan kita secara tidak wajar

**Apakah yang perlu dilakukan jika pesaing membincangkan pengaturan yang tidak wajar:**

- **Bersuara.** Menyuarkan kebimbangan anda dan meminta perbincangan tentang topik tersebut ditamatkan.
- **Jika perbincangan diteruskan, tinggalkan tempat tersebut atau tamatkan panggilan.** Tinggalkan mesyuarat atau tamatkan panggilan tersebut dengan segera.
- **Catat bantahan dan masa anda meninggalkan perjumpaan tersebut.** Buatkan catatan untuk anda sendiri. Pastikan setiap minit panggilan atau mesyuarat tersebut mencerminkan masa anda meninggalkan perjumpaan tersebut.
- **Laporkan kepada Privasi dan Pematuhan Global.** Segera maklumkan penyelia anda dan salah seorang ahli Pasukan Privasi dan Pematuhan Global.

## Ketahui lebih lanjut:

Jika anda mempunyai soalan tentang isu antitrust atau persaingan, bincang dengan pengurus anda atau Pasukan Privasi dan Pematuhan Global, dan semak Dasar Antitrust Global dan Persaingan Adil kita. Juga rujuk bahagian berikut dalam Kod: "Mengumpulkan Risikan Daya Saing" dan "Penjualan dan Pemasaran Berintegriti."

# MENGUMPULKAN RISIKAN DAYA SAING

Memantau pembangunan industri dan memahami gambaran keseluruhan daya saing membantu kita menambah baik penyelesaian kita dan bersaing dengan lebih berkesan. Namun tiada maklumat yang mewajarkan penjejasan reputasi Iron Mountain atau keupayaan kita untuk menunaikan komitmen kita terhadap **Bertindak dengan Integriti**.

## Cara Kita Bertanggungjawab

Kita berhati-hati dan jujur semasa mengumpul, menerima dan menggunakan maklumat tentang gambaran keseluruhan daya saing.

### HAL INI BERMAKNA KITA:

- Hanya percaya sumber maklumat yang wajar (lihat carta di bawah)
- Tidak memberi gambaran yang salah tentang identiti kita atau majikan kita
- Jangan ambil pekerja daripada pesaing demi mendapatkan maklumat sulit atau menggalakkan pekerja tersebut untuk mendedahkan maklumat sulit selepas mereka diupah
- Sentiasa melaksanakan kontrak dan mengarahkan semua konsultan dan ejen untuk mematuhi piawaian dan dasar Iron Mountain

## "Sumber wajar" maklumat daya saing mungkin:

- Laman web awam dan media sosial
- Artikel berita dan temu duga
- Laporan dan pemfailan kewangan awam
- Maklum balas pelanggan
- Ulasan dalam talian
- Jurnal industri dan perdagangan
- Maklumat yang disebarluaskan di pameran dan persidangan perdagangan
- Rekod kerajaan

## Berunding dengan Privasi dan Pematuhan Global jika anda menghadapi mana-mana situasi berikut:

- Dokumen "ditemui", seperti e-mel yang tersilap hantar kepada Iron Mountain
- Dokumen pesaing sulit daripada mana-mana sumber, termasuk:
  - Kontrak atau jadual harga
  - Dokumen strategi
  - Bidaan atau usulan untuk pelanggan lain
  - Mana-mana dokumen dengan label seperti "Rahsia," "Sulit" atau "Proprietari"
- Maklumat yang didedahkan melalui pelanggaran data atau aktiviti jenayah lain

## Ketahui lebih lanjut:

Jika anda mempunyai soalan tentang cara mengumpul atau menggunakan risikan daya saing secara wajar, bincang dengan pengurus anda dan semak Dasar Antitrust dan Persaingan Adil kita.




"Kita tidak boleh meletakkan tanggungjawab untuk aktiviti pengumpulan risikan daya saing yang tidak beretika atau menyalah undang-undang pada sumber luar."

Garis Panduan Risikan Daya Saing Iron Mountain

# MENGELAKKAN KONFLIK KEPENTINGAN

Untuk **Menggalakkan Rangkuman dan Kerja Berpasukan**, setiap Mountaineer bertanggungjawab untuk mengelakkan kepentingan dan hubungan peribadi daripada mengganggu keputusan perniagaan kita. Perkara yang kelihatan seperti konflik kepentingan juga boleh menyebabkan orang lain meragui integriti kita, menjelaskan pasukan kita dan menghalang keupayaan kita untuk memenuhi janji kita.

Oleh sebab itu, kami mengelak atau mendedahkan situasi yang boleh mengaburi pertimbangan kami atau menyebabkan kami bertindak mengikut cara yang bukan untuk kepentingan terbaik Iron Mountain.



## Cara Kita Bertanggungjawab

Apabila bertindak secara professional, kesetiaan kita terletak pada syarikat.

### Hal ini bermakna kita:

- Peka terhadap – dan cuba mengelakkan – keadaan yang konflik mungkin timbul
- Mendedahkan semua konflik (sama ada sebenar, berpotensi atau tanggapan) dengan cara yang diperlukan oleh Dasar kita dengan segera
- Mengambil langkah untuk mengurangkan kesan konflik jika konflik tidak boleh dielakkan

## Terdapat banyak bentuk konflik kepentingan –

Dasar Konflik Kepentingan kita menerangkan cara menanganinya dalam bidang berikut:

1. Pekerjaan luar dengan pesaing atau apabila komitmen masa akan mengganggu keupayaan anda untuk menjalankan peranan anda di Iron Mountain
2. Hubungan peribadi antara pekerja dalam baris pelaporan yang sama atau dengan salah seorang rakan niaga kita
3. Kepentingan kewangan yang ketara (5% atau lebih) dengan entiti yang menjalankan perniagaan dengan Iron Mountain
4. Perkhidmatan dalam Lembaga Pengarah syarikat komersial atau apabila komitmen masa akan mengganggu keupayaan anda untuk menjalankan peranan anda di Iron Mountain

### Ketahui lebih lanjut:

Jika anda mempunyai soalan tentang konflik kepentingan atau cara mendedahkannya, lihat Dasar Konflik Kepentingan kita.

# MENGURUS DAN MENDEDAHKAN REKOD YANG TEPAT

Integriti dalam buku akaun, rekod dan penyata kewangan kita adalah penting untuk mengekalkan reputasi kita dan kepercayaan yang telah kita jalinkan dengan pemegang kepentingan kita. Pendedahan awam rekod tersebut secara wajar juga membantu meningkatkan keyakinan pelanggan dan pelabur kita. Oleh sebab itu, kita mesti mengurus semua rekod perniagaan secara aktif dan mengambil setiap langkah yang diperlukan untuk memastikan rekod tersebut benar dan telus.

## Cara Kita Bertanggungjawab

Sebagai syarikat dagangan awam, kita dikehendaki untuk menyimpan dan mendedahkan rekod perniagaan yang tepat. Tambahan lagi, ia juga cara penting untuk Mountaineer **Berkongsi Tanggungjawab** dan **Bertindak dengan Integriti**.

### HAL INI BERMAKNA KITA:

- Mengikuti semua peraturan kawalan kewangan dan pengurusan rekod secara ketat
- Membekalkan rekod yang tepat, lengkap dan tepat pada masanya kepada juruaudit atau pengawal selia
- Tidak melaraskan butiran hasil atau perbelanjaan secara tidak wajar bagi memenuhi matlamat belanjawan
- Berhati-hati terhadap transaksi yang kabur atau tiada dokumen sokongan yang mungkin menandakan penipuan atau pengubahan wang haram
- Mengelakkan rekod hanya setakat yang diperlukan oleh Jadual Pengekalan Rekod Global

## Iron Mountain Merintis Jalan

Kita lebih memahami bahawa cara program pengurusan rekod dan maklumat yang berkesan dapat meningkatkan kecekapan, mengurangkan risiko, dan mendorong pengamalan nilai di seluruh organisasi berbanding dengan syarikat lain.

### Mainkan peranan anda dengan:

- Mengenal pasti dan mengelaskan semua rekod rasmi perniagaan, tanpa kira format
- Memelihara rekod dengan selamat dan teratur, agar ia boleh didapatkan semula dengan mudah dan pasti
- Musnahkan rekod bertulis dengan selamat, menggunakan bekas peracik kertas selamat kita
- Patuhi semua Perintah Pemeliharaan Undang-undang secara ketat

### "Rekod" mungkin berbentuk fizikal atau elektronik, dan termasuk:

- E-mel, surat, mel suara dan log sembang
- Imej dan video
- Lembar masa
- Laporan perbelanjaan
- Pesanan belian dan invois
- Kontrak
- Ramalan belanjawan
- Pemfailan kawal selia



*"Dengan melaksanakan amalan penyimpanan rekod yang konsisten dan bertanggungjawab dengan berkesan, kita meningkatkan kecekapan, mengurangkan risiko dan mendorong pengamalan nilai di seluruh organisasi."*

**Dasar Pengurusan Rekod dan Maklumat Iron Mountain**

## Ketahui lebih lanjut:

Jika anda mempunyai soalan tentang penyimpanan rekod kewangan atau rekod korporat dan program pengurusan maklumat kita, bincang dengan pengurus anda dan semak Dasar Pengurusan Rekod dan Maklumat kita.

# MEMATUHI PERATURAN SEKATAN DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA

Kita beroperasi di banyak negara yang mengenakan kawalan ke atas import dan eksport peralatan dan data sensitif (seperti perkakasan komputer dan teknologi penyulitan). Terdapat juga sekatan global untuk menjalankan perniagaan dengan kumpulan, individu, atau negara tertentu. Mematuhi sekatan antarabangsa dan peraturan perdagangan dengan ketat adalah amat penting untuk memelihara keupayaan kita menjalankan perniagaan pada peringkat antarabangsa dan merupakan cara penting kita mengamalkan Nilai murni **Keselamatan dan Keterjaminan** kita.



## Cara Kita Bertanggungjawab

Penglibatan dalam perdagangan pada skala antarabangsa yang luas agak berisiko.

### Oleh sebab itu, kita:

- Elak daripada menjual kepada atau menjadi rakan kongsi kepada individu atau organisasi yang belum disaring melalui senarai sekatan atau boikot kerajaan.
- Menghalang pekerja tanpa kebenaran daripada mengakses maklumat pelanggan yang mungkin terkawal di bawah triti dan peraturan tertentu
- Bekerjasama dengan pelanggan kita serta Privasi dan Pematuhan Global bagi memastikan kita mendapat kebenaran yang betul untuk memindahkan data tersebut merentasi sempadan
- Memantau rakan niaga dalam rantai bekalan kita untuk memastikan mereka juga berdaya melaksanakan pematuhan
- Berunding dengan Privasi dan Pematuhan Global jika kita akan berkembang ke negara baharu atau membangunkan peralatan atau teknologi yang mungkin dieksport.

## Ketahui lebih lanjut:

Jika anda mempunyai soalan tentang peraturan sekatan dan perdagangan antarabangsa, bincang dengan Pasukan Privasi dan Pematuhan Global dan rujuk Dasar Sekatan dan Perdagangan Antarabangsa kita.



# MENCEGAH SOGOKAN DAN RASUAH

Rasuan dan sogokan menjelaskan komuniti, membahayakan reputasi kita serta boleh menyebabkan denda yang besar dan waktu penjara. Tidak kira budaya setematan atau amalan syarikat lain, Iron Mountain (dan rakan niaga kita) akan mengelak daripada tindakan yang tidak wajar, biarpun ia hanya tanggapan — terutamanya apabila berurusan dengan pegawai kerajaan.



## Cara Kita Bertanggungjawab

Iron Mountain akan memilih untuk hilang peluang niaga daripada memberi rasuah untuk memenanginya.

### HAL INI BERMAKNA KITA:

- Tidak menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa yang bernilai sebagai tukaran untuk mendapatkan peluang perniagaan atau untuk mendapatkan faedah atau kelebihan yang tidak wajar
- Pilih (dan pantau) pihak ketiga yang berkongsi komitmen kita terhadap antisogokan dan antirasuah
- Simpan buku akaun dan rekod yang menerangkan semua bayaran dan perbelanjaan secara terperinci dan tepat

## Apakah rasuah?

Rasuah melibatkan penawaran sesuatu yang berharga untuk mempengaruhi cara seseorang, sama ada dalam sektor kerajaan atau swasta, menjalankan tugas mereka atau mendapatkan kelebihan perniagaan secara tidak wajar. Walaupun rasuah itu tidak diterima, ia tetap menyalahi undang-undang dan bertentangan dengan dasar Iron Mountain.

Rasuah boleh terdiri daripada apa-apa sahaja yang bernilai, bukan hanya wang tunai Derma amal, diskau atau malah tawaran pekerjaan atau latihan amali pun boleh dianggap rasuah.

## Mengikuti Semua Undang-undang yang Terpakai

Kita ialah sebuah syarikat global dan mematuhi undang-undang antisogokan dan antirasuah dengan ketat di setiap negara yang kita beroperasi — sama ada pada tahap persekutuan, negeri atau tempatan. Hal ini termasuk Akta Amalan Rasuah Asing A.S., Akta Sogokan U.K. dan Akta Syarikat Bersih Brazil.

### Ketahui lebih lanjut:

Jika anda mempunyai soalan tentang sogokan atau rasuah, bincang dengan pengurus anda atau Pasukan Privasi dan Pematuhan Global, dan semak Dasar Antirasuah dan Antipenyelewengan kita.

# BERTUKAR-TUKAR HADIAH DAN HOSPITALITI DENGAN SEWAJARNYA

Penjalinan hubungan yang kukuh dengan pelanggan dan rakan niaga adalah sangat penting untuk kejayaan Iron Mountain. Bertukar-tukar hadiah boleh merupakan cara yang wajar untuk menunjukkan penghargaan, dan penyediaan hospitaliti boleh membantu kita membincang topik perniagaan dan menunjukkan perkhidmatan kita. Walaupun hadiah dan hospitaliti merupakan cara yang sah untuk membina kepercayaan, ia tidak boleh digunakan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan secara tidak wajar. Oleh sebab itu, hadiah dan hospitaliti perlu munasabah dan mematuhi dasar syarikat.

## Cara Kita Bertanggungjawab

Walaupun amalan setempat berkenaan hadiah dan hospitaliti berbeza, kita akan sentiasa komited kepada Nilai murni kita dan bertanggungjawab kepada Kod kita.

### HAL INI BERMAKSUD BAHAWA SEMUA HADIAH DAN HOSPITALITI YANG KITA TAWARKAN MESTI:

- Untuk tujuan yang sah (seperti membantu semasa menunjukkan perkhidmatan kita)
- Diluluskan di bawah dasar diri kita (lihat Carta Tahap Kelulusan) dan dibenarkan oleh dasar penerima
- Mematuhi undang-undang tempatan
- Mempunyai nilai yang munasabah, dan bukan dalam bentuk tunai atau kad hadiah
- Wajar mengikut keadaan (tidak menjelaskan atau mungkin merosakkan reputasi kita)
- Dicatat dan diterangkan dengan tepat dalam buku akaun dan rekod kita

### Selain daripada faktor yang disenaraikan di atas, hadiah dan hospitaliti yang kita terima mesti:

- Tidak diminta
- Ditolak, jika ditawarkan oleh vendor sewaktu perolehan hampir-hampir diputuskan
- Kurang daripada \$100 untuk hadiah dan \$250 untuk hospitaliti kecuali diluluskan seperti yang diterangkan dalam Dasar kita

## Carta Tahap Kelulusan: Penawaran Hadiah dan Hospitaliti

PEMBERIAN (Tidak melebihi Empat setiap Penerima setiap Tahun)	HADIAH (Tanda penghargaan, seperti bunga atau coklat)	HOSPITALITI (perjalanan dan penginapan yang berkaitan kepada pertunjukan perkhidmatan Iron Mountain)
Kepada Pegawai Kerajaan	Sentiasa memerlukan kelulusan daripada Privasi dan Pematuhan Global	Sentiasa memerlukan kelulusan daripada Privasi dan Pematuhan Global
Kepada Pelanggan Semasa atau Bakal Pelanggan	Memerlukan kelulusan daripada Privasi dan Pematuhan Global jika >\$100	Memerlukan kelulusan daripada Privasi dan Pematuhan Global jika >\$250
Kepada Rakan Mountaineer	Mesti munasabah dan umumnya tidak boleh diserahkan untuk pembayaran balik	Mesti munasabah dan umumnya tidak boleh diserahkan untuk pembayaran balik

## Peraturan Tambahan untuk Pegawai Awam

Kita perlu lebih berhati-hati apabila berurusan dengan pegawai awam. Perkara yang mungkin dibenarkan untuk syarikat komersial mungkin menyalahi undang-undang apabila berurusan dengan kerajaan. Sentiasa mendapatkan kelulusan daripada pasukan Privasi dan Pematuhan Global sebelum memberikan apa-apa yang bernilai kepada pegawai awam.

### Istilah "Pegawai Awam" ialah kategori luas yang termasuk:

- Semua pegawai kerajaan yang dipilih dan dilantik, termasuk yang separuh masa
- Pekerja agensi kerajaan
- Pekerja perniagaan dan organisasi milik negara, termasuk bank, universiti atau hospital
- Calon jawatan politik

### Ketahui lebih lanjut:

Jika anda mempunyai soalan tentang Hadiah dan Hospitaliti, bincang dengan pengurus anda atau Pasukan Privasi dan Pematuhan, dan semak Dasar Hadiah, Hospitaliti dan Sumbangan Amal kita.

## SUMBANGAN AMAL

Iron Mountain bangga untuk menyokong pelbagai tujuan amal dalam komuniti kita. Semua sumbangan amal yang dibuat bagi pihak Iron Mountain – sama ada melalui derma atau secara sukarelawan – mesti diserahkan kepada portal Hadiah dan Hospitaliti dalam talian.

# MEMPERKASAKAN PASUKAN KITA





**WARGA KITA  
IALAH ASET  
KITA YANG  
PALING HEBAT**

- 40** Menghormati dan Melindungi Rakan Mountaineer
- 42** Menghargai Rangkuman dan Kepelbagaian
- 44** Mengamalkan Keselamatan Sepanjang Masa
- 46** Menggunakan Sistem Teknologi dan Maklumat dengan Selamat dan Bertanggungjawab
- 48** Melindungi Maklumat Sulit dan Harta Intelek Kita
- 50** Melindungi Aset Kita yang Paling Bernilai
- 52** Penggunaan Media Sosial dengan Berkesan dan Bertanggungjawab
- 54** Penjualan dan Pemasaran Berintegriti

# MENGHORMATI DAN MELINDUNGI RAKAN MOUNTAINEER

Gangguan dan diskriminasi bukan hanya menyalahi undang-undang dan bahaya — ia juga menjatuhkan semangat dan mewujudkan suasana saling mencurigai dan tidak menghormati yang menghalang kita daripada mencapai potensi penuh kita. Dengan membantu kita mencipta tempat kerja yang selamat dan saling menghormati, kita membantu membina syarikat yang setiap Mountaineer berhak bersuara dan diperkasa untuk berjaya.

## Cara Kita Bertanggungjawab

Kita komited kepada tempat kerja yang bebas daripada diskriminasi, gangguan, pembulian, keganasan atau bentuk kelakuan menganiaya yang lain.

### HAL INI BERMAKNA KITA:


- Selalu memperlakukan rakan Mountaineer dengan bermaruah dan hormat
- Membuat keputusan pengambilan kerja berdasarkan merit — bukan berdasarkan ciri-ciri seperti bangsa, agama, etnik, umur, ketakupayaan, identiti jantina atau orientasi seksual
- Bantu mencegah keganasan di tempat kerja dengan:
  - Menjalani semakan latar belakang yang teliti
  - Peka terhadap tanda-tanda amaran seperti menjerit atau membaling benda
  - Meredakan pertengkar dan membantu menyelesaikan masalah
  - Melaporkan ancaman keganasan atau senjata di tempat kerja
  - Hubungi penguat kuasa undang-undang tempatan jika terdapat bahaya yang nyata, dan kemudian laporkannya kepada pengurus anda atau Keselamatan, Risiko dan Sekuriti Global.

## Gangguan dan ancaman termasuk...

- Perkara yang kita **katakan** — seperti membuat jenaka kasar atau hinaan berbaur perkauman
- Perkara yang kita **tunjukkan** — seperti menyebarkan grafiti atau meletakkan pelekat bampar yang menyinggung perasaan pada kenderaan
- Perkara yang kita **lakukan semasa bersemuka** — seperti membuat godaan seksual yang tidak disenangi atau menghalang laluan seseorang
- Perkara yang kita **lakukan dalam talian** — seperti pembulian dalam media sosial atau mencipta profil untuk membuat pernyataan yang berbunyi memperkecilkan seseorang

## Ketahui lebih lanjut:

Jika anda mempunyai soalan tentang diskriminasi, gangguan atau keganasan di tempat kerja, bincang dengan pengurus anda dan semak Dasar Terhadap Diskriminasi, Gangguan dan Pembulian kita, serta Dasar Pelaporan Salah Laku kita.



# MENGHARGAI RANGKUMAN DAN KEPELBAGAIAN

Menarik minat, membangunkan dan memperkasakan individu yang mempunyai pelbagai pengalaman, kemampuan dan sudut pandangan merupakan komponen utama kejayaan kita. Dengan menerima ciri-ciri dan latar belakang masing-masing yang unik, kita dapat memperkayakan tempat kerja kita, menyelesaikan masalah dengan lebih kreatif, dan memahami keperluan pelanggan kita dengan lebih baik. Merangkumi dan menghormati kepelbagaian dalam pertuturan dan tindakan kita membantu memaksimumkan sumbangan setiap pekerja dan membolehkan kita membuat keputusan yang lebih baik.

## Cara Kita Bertanggungjawab

Kita mewujudkan tempat kerja yang terangkum dan bersifat menerima, yang kita saling menghargai dan belajar daripada perbezaan kita.

### HAL INI BERMAKNA KITA:

- Aktif mencari pendekatan dan sudut pandangan alternatif
- Mendengar pendapat semua orang dengan berhemah – tanpa kira tahap kekanan mereka
- Mempertimbangkan kepentingan kepelbagaian semasa mengambil pekerja dan membentuk pasukan
- Berkongsi pengetahuan secara terbuka dengan orang yang boleh memanfaatkannya – terutamanya Mountaineer baru

### Ketahui lebih lanjut:

Jika anda mempunyai soalan tentang komitmen kita terhadap rangkuman dan kepelbagaian, bincang dengan pengurus anda atau kunjungi Portal Tanggungjawab Sosial Korporat kita.



# MENGAMALKAN KESELAMATAN SEPAJANG MASA

Di Iron Mountain, tiada perkara yang lebih penting daripada kesihatan, keselamatan dan keterjaminan kita. Apabila kita gagal mengikut prosedur kita, kita mendedahkan sumber kita yang paling penting — Mountaineer kita — kepada bahaya. Kita berusaha keras untuk memastikan persekitaran kerja yang sihat, selamat dan terjamin agar kita boleh lebih melibatkan diri, lebih produktif dan lebih fokus untuk memberikan layanan baik kepada pelanggan kita.



44

## Cara Kita Bertanggungjawab

Di Iron Mountain, keselamatan tidak boleh diambil mudah. Tiada sasaran atau metrik operasi yang lebih penting berbanding dengan keselamatan dan keterjaminan setiap Mountaineer.

Hal ini bermakna kita:

### Menggalakkan Keselamatan

- Mematuhi keperluan keselamatan syarikat sepanjang masa
- Melaporkan semua kejadian dan kemalangan nyaris
- Mencampur tangan dalam mana-mana tindakan atau keadaan yang tidak selamat
- Mencari penyelesaian untuk meningkatkan keselamatan setiap hari
- Bertanggungjawab terhadap keselamatan kita serta orang di sekeliling kita
- Hanya menjalankan kerja yang kita dilatih
- Menghentikan kerja yang tidak boleh dijalankan secara selamat

### Memelihara Keterjaminan Fizikal

- Sentiasa mengunci kenderaan, mengaktifkan penggera, dan menyimpan peralatan Iron Mountain (seperti komputer riba) dengan selamat.
- Jangan biarkan pintu terbuka atau benarkan orang mengikut anda ke dalam kemudahan kita.
- Melaporkan atau menegur sesiapa yang tidak memakai lencana Iron Mountain secara hormat

### Menekankan Tempat Kerja Bebas Bahan Larangan

- Sampai ke tempat kerja bebas daripada pengaruh dadah atau alkohol
- Hubungi pengurus atau Sumber Manusia tentang masalah dadah atau alkohol — syarikat mempunyai sumber untuk membantu anda
- Bersuara jika anda lihat rakan sekerta di bawah pengaruh dadah atau alkohol semasa bekerja

### Ketahui lebih lanjut:

Jika anda mempunyai soalan tentang keselamatan, keterjaminan atau dasar tempat kerja bebas bahan larangan kita, bincang dengan pengurus anda.



"Setiap Mountaineer tahu bahawa keselamatan tidak boleh diambil mudah."

Global Safety Team  
Iron Mountain

45

# MENGGUNAKAN SISTEM TEKNOLOGI DAN MAKLUMAT DENGAN SELAMAT DAN BERTANGGUNGJAWAB

Sistem teknologi dan maklumat kita membantu kita bekerja dengan lebih produktif, berkomunikasi dengan lebih berkesan dan melayan pelanggan kita dengan lebih baik. Dengan melindungi teknologi kita dan menggunakananya secara wajar, kita **Membina Nilai Pelanggan** — memberikan layanan baik kepada pelanggan kita sambil menginovasi untuk memenuhi keperluan mereka.

## Cara Kita Bertanggungjawab

Penggunaan sistem teknologi dan maklumat kita yang tidak wajar boleh mempengaruhi sumber, menjejaskan keselamatan, serta membawa akibat buruk yang berpanjangan kepada jenama dan reputasi kita.

### UNTUK MEMASTIKAN HAL INI TIDAK BERLAKU, KITA:

- Hanya memberikan akses kepada individu yang diberi kuasa, dan melupuskan akses sebaik sahaja ia tidak diperlukan lagi.
- Menyimpan maklumat sulit jauh daripada laman Internet atau media sosial yang tidak diluluskan.
- Tidak menghantar mesej yang mengandungi kandungan yang mengganggu dan menyenggung perasaan.
- Mempertimbangkan kesan terhadap privasi apabila memilih dan melaksanakan sistem baru.
- Mematuhi prosedur untuk memastikan data dipadam dengan selamat sebelum melupuskan peralatan.
- Meminimumkan penggunaan bukan perniagaan pada sistem teknologi dan maklumat kita

## Keselamatan Maklumat


Kita semakin bergantung pada rangkaian kita dan data yang terkandung dalamnya. Penggodaman, pelanggaran dan jurang keselamatan merupakan risiko kritikal yang perlu kita pantau dan tangani secara berterusan.

### Untuk membantu mengekalkan keselamatan sistem maklumat dan data kita, kita:

- Menyelesaikan semua latihan keselamatan maklumat tepat pada masanya
- Mengelak daripada melawatilaman web yang tidak wajar
- Jangan pasang perisian yang tidak diluluskan atau buka lampiran yang mencurigakan.
- Melindungi kelayakan log masuk kita
- Hanya menyambungkan peranti peribadi kepada rangkaian Iron Mountain apabila dibenarkan.
- Peka terhadap penipuan memancing data atau percubaan lain untuk menembusi sistem atau akaun kita

## Ketahui lebih lanjut:

Jika anda mempunyai soalan tentang keselamatan maklumat atau penggunaan sistem teknologi dan maklumat kita yang boleh diterima, bincang dengan pengurus anda dan semak Dasar Penggunaan Boleh Diterima kita.



# MELINDUNGI MAKLUMAT SULIT DAN HARTA INTELEK KITA

Maklumat perniagaan sulit dan harta intelek kita ialah aset penting yang telah mengambil masa beberapa dekad untuk dibangunkan. Tanpa maklumat tersebut, kita tidak dapat terus menginovasi, meningkatkan tahap perkhidmatan kita dan memberikan layanan baik kepada pelanggan kita. Oleh sebab itu, kita perlu berusaha sedaya upaya untuk memastikan aset intelek tersebut selamat dan terlindung daripada penyalahgunaan.

## Cara Kita Bertanggungjawab

Kita semua berkongsi kewajipan penting untuk melindungi maklumat sulit dan harta intelek kita daripada penyalahgunaan atau pendedahan tanpa kebenaran.

### UNTUK MEMBANTU MEMENUHI KOMITMENINI, KITA:

- Berkongsikan maklumat dengan individu yang diberi kuasa yang mempunyai keperluan perniagaan yang sah sahaja
- Memastikan perjanjian ketakdedahan telah disediakan sebelum maklumat sulit dan proprietari didedahkan ke luar syarikat
- Menyimpan dokumen, data, dan peranti mengikut dasar keselamatan kita
- Melupuskan dokumen bertulis menggunakan bekas peracik kertas selamat kita sahaja
- Mengelak daripada membincangkan maklumat sulit di tempat awam dan mengambil langkah untuk menghalang orang daripada melihatnya pada peranti mudah alih kita
- Melaporkan penyalahgunaan atau pendedahan tanpa kebenaran kepada pihak pengurusan, Privasi dan Pematuhan Global atau Keselamatan, Risiko dan Keterjaminan Global

## Maklumat sulit dan harta intelek termasuk...

- Dokumen strategi
- Kontrak
- Senarai pelanggan
- Lembaran harga
- Aliran kerja dan prosedur operasi
- Rancangan pemasaran
- Maklumat atau unjuran kewangan bukan awam
- Maklumat tentang penggabungan dan pemerolehan
- Bahan siasatan dan audit
- Maklumat berkaitan pekerja

### Ketahui lebih lanjut:

Jika anda mempunyai soalan tentang maklumat sulit dan proprietari, rujuk Dasar Pengelasan dan Pengendalian Maklumat kita atau hubungi Pasukan Privasi dan Pematuhan.



# MELINDUNGI ASET KITA YANG PALING BERNILAI

Nilai Murni Kita, **Keselamatan dan Keterjaminan Sendiri**, merupakan nadi kepada janji yang diberikan kepada pelanggan kita. Dengan memastikan kemudahan kita dan kandungannya selamat dan syarikat kita bebas daripada pencurian, penipuan dan kerosakan, kita boleh menunaikan komitmen perkhidmatan kita dan membayai operasi kita dengan pasti.

## Cara Kita Bertanggungjawab

Kita sentiasa menilai risiko kita dan meningkatkan kawalan kita untuk membantu melindungi syarikat kita dan asetnya.

### HAL INI BERMAKNA KITA:

- Memakai lencana pengenalan Iron Mountain kita sepanjang masa – dan memastikan orang lain juga memakainya.
- Segera melaporkan penggera atau peralatan pemadam api yang rosak
- Peka terhadap individu yang tidak dibenarkan di dalam dan di sekitar kemudahan kita
- Memastikan dana syarikat hanya digunakan untuk perniagaan dan bukannya tujuan peribadi
- Menerangkan perbelanjaan perjalanan, hiburan dan perbelanjaan lain dengan lengkap dan tepat
- Sentiasa menyemak laporan perbelanjaan pekerja kita
- Membeli aset syarikat melalui Perolehan

## Musuh Ketat Penipuan: Mountaineer yang Beretika

Terdapat banyak bentuk penipuan, pembaziran dan penyalahgunaan dan ia boleh membahayakan perniagaan dan operasi kita. Komitmen Mountaineer dalam usaha mengamalkan Kod dan Nilai murni kita ialah cara yang paling pasti untuk mencegah, mengesan, dan membetulkannya jika ia berlaku.

**Berkongsi Tanggungjawab** bermaksud segera memaklumkan kepada pengurus atau Talian Etika tentang mana-mana aktiviti yang mungkin menandakan jenayah seperti penipuan atau pengubahan wang Haram, seperti:

- Memalsukan atau mengubah rekod syarikat secara tidak wajar
- Memalsukan tuntutan perbelanjaan
- Penggelapan atau penggunaan aset syarikat untuk keuntungan peribadi
- Menjana atau membayar tuntutan atau invois palsu dengan sengaja
- Memperkecilkan atau menyembunyikan liabiliti atau kerugian dengan sengaja
- Memindahkan dana secara luar biasa
- Mengambil pelanggan dengan maklumat yang tidak lengkap atau tidak konsisten

### Ketahui lebih lanjut:

Jika anda mempunyai soalan tentang cara melindungi aset kita daripada penyalahgunaan atau penipuan, bincang dengan pengurus anda dan semak Dasar Kemudahan Global kita dan Dasar Disiplin Progresif Global kita.



# PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DENGAN BERKESAN DAN BERTANGGUNGJAWAB

Media sosial ialah alat berkuasa yang membolehkan kita berkongsi maklumat dengan mudah dan berinteraksi dengan pelanggan kita dan pemegang kepentingan lain dengan berkesan. Tetapi, penyalahgunaan boleh mendatangkan bahaya kepada warga, maklumat, dan reputasi kita. Memandangkan media sosial memainkan peranan yang semakin penting dalam kehidupan peribadi dan profesional kita, kita perlu memanfaatkannya sebaik mungkin sambil berjaga-jaga terhadap bahayanya.

## Cara Kita Bertanggungjawab

**Menggunakan media sosial dengan berkesan dan bertanggungjawab bermaksud kita:**

- Melindungi kelayakan akaun kita daripada pencurian atau penyalahgunaan
- Mengelakkan kesopanan dan sikap profesional semasa interaksi dalam talian
- Jauhkan maklumat sulit syarikat daripada media sosial
- Tidak menggunakan media sosial untuk melakukan gangguan, pembulian atau akitiviti yang menyalahi undang-undang atau melanggar Kod kita
- Melayan pelanggan dengan baik apabila mereka menghubungi kita pada media sosial, tetapi rujuk mereka ke bahagian Khidmat Pelanggan untuk menyelesaikan isu-isu khusus
- Memperkenalkan diri sebagai pekerja Iron Mountain semasa menyiar pendapat tentang syarikat dan perkhidmatan kita
- Menyatakan bahawa pendapat kita ialah pendapat peribadi kita, dan bukannya pendapat Iron Mountain
- Mengikut panduan yang wajar daripada Undang-undang dan Sumber Manusia apabila menggunakan kandungan media sosial untuk membuat keputusan pekerjaan

### Ketahui lebih lanjut:

Jika anda mempunyai soalan tentang cara menggunakan media sosial dengan berkesan dan bertanggungjawab, bincang dengan pengurus anda dan semak Dasar Media Sosial kita.



# PENJUALAN DAN PEMASARAN BERINTEGRITI

Sebagai Mountaineer, kita berbangga dengan kualiti perkhidmatan dan nilai yang kita sampaikan kepada pelanggan kita. Dengan menyampaikan hal ini secara jujur dan tanpa diperbesar-besarkan, kita membina kepercayaan terhadap jenama kita dan keyakinan dalam pasaran. Tanpa kira sama ada anda bertugas di jabatan jualan atau pemasaran, setiap interaksi di luar Iron Mountain ialah peluang untuk kita memberikan tanggapan yang positif dan berpanjangan terhadap Iron Mountain.

## Cara Kita Bertanggungjawab

Dalam penjualan dan pemasaran, kita Membina Nilai Pelanggan dengan:

- Menyerlahkan kekuatan kita dan bukannya memperkecilkan pesaing kita
- Tidak memberi gambaran yang salah atau membesar-besarkan atribut perkhidmatan kita
- Tidak menggunakan khabar angin, maklumat palsu, atau dokumen yang tidak sah untuk berurusan dengan pelanggan
- Menghormati semua hak cipta, logo, dan harta intelek lain
- Mematuhi semua undang-undang dan dasar syarikat yang berkenaan dengan:
  - Komunikasi pelanggan dan antispam
  - Keperluan pemberitahuan dan persetujuan
  - Keutamaan kaedah perhubungan pemasaran

### Ketahui lebih lanjut:

Jika anda mempunyai soalan tentang penjualan dan pemasaran, bincang dengan pengurus anda dan semak Dasar Antitrust dan Persaingan Adil kita. Juga rujuk bahagian "Mengumpulkan Risikan Daya Saing" dalam Kod.



# MEMBINA KEPERCAYAAN DENGAN PELANGGAN DAN KOMUNITI



# DUNIA IRON MOUNTAIN MELANGKAUI BANGUNAN KITA



- 60** Menghormati Privasi
- 62** Melindungi Alam Sekitar dan Menyumbang kepada Komuniti Kita
- 64** Menghormati Hak Asasi Manusia dan Mencegah Perhambaan Moden
- 66** Memilih Rakan Kongsi yang Betul
- 68** Melindungi Jenama dan Reputasi Kita
- 70** Politik Di Dalam dan Di Luar Tempat Kerja
- 72** Melarang Perdagangan Orang Dalam

# MENGHORMATI PRIVASI

Perniagaan kita berpusatkan perlindungan data peribadi pelanggan, rakan Mountaineer dan rakan niaga kita. Apabila kita menghormati privasi seseorang individu, kita membina kepercayaan dan meningkatkan reputasi kita sebagai syarikat yang menjadi pilihan apabila berurus niaga. Oleh sebab itu, penting bahawa kita hanya menggunakan data peribadi untuk tujuan perniagaan yang sah dan melindunginya daripada akses, perubahan atau pendedahan tanpa kebenaran.

## Cara Kita Bertanggungjawab

Kita komited untuk mematuhi semua keperluan perlindungan privasi dan data yang terpakai.

### HAL INI BERMAKNA KITA:

- Mengenal pasti "data peribadi" dan pelbagai bentuknya
- Memproses data peribadi untuk tujuan yang sah, mengikut kontrak kita dan undang-undang
- Menyimpan dan menghantar data peribadi dengan selamat dan bertanggungjawab
- Hanya mendedahkan data peribadi kepada orang yang mempunyai keperluan perniagaan untuk melihatnya
- Memastikan pihak ketiga telah menandatangani persetujuan sebelum berkongsi data peribadi
- Menyemak dengan Privasi dan Pematuhan Global sebelum menghantar, mengakses atau melihat data peribadi merentasi sempadan negara
- Segera melaporkan kehilangan atau penyalahgunaan data peribadi kepada pengurus; Keselamatan, Risiko, dan Keterjaminan Global atau Privasi dan Pematuhan Global

## Data Peribadi Pekerja

Dalam kebanyakan negara, kita mempunyai kewajipan tambahan berkenaan data pekerja, seperti:

- Memberikan notis privasi yang jelas dan tepat kepada pekerja dan pemohon pekerjaan
- Memaklumkan kepada Privasi dan Pematuhan Global sebelum menggunakan aplikasi, sistem atau vendor IT baharu yang memproses data peribadi
- Melupuskan data peribadi apabila tidak diperlukan lagi, mengikut keperluan pengekalan data syarikat kita

## Takrifan "data peribadi" berbeza di seluruh dunia

Umumnya, ia merujuk maklumat yang boleh mengenal pasti seseorang secara langsung atau tidak langsung.

### Contoh termasuk:

- Nama
- Alamat
- Nombor telefon
- ID Pekerja
- Alamat e-mel
- Alamat IP
- Maklumat bank atau kad kredit
- Nombor polisi insurans
- Gambar
- Maklumat kesihatan atau perubatan
- Maklumat genetik
- Maklumat biometrik
- Data geolokasi
- Sejarah pelayar
- ID log masuk atau nama skrin dalam talian

### Ketahui lebih lanjut:

Jika anda mempunyai soalan tentang privasi data, bincang dengan pengurus anda, Pasukan Privasi dan Pematuhan Global dan semak Dasar Privasi Global kita.



# MELINDUNGI ALAM SEKITAR DAN MENYUMBANG KEPADA KOMUNITI KITA

Sebagai syarikat dan sebagai Mountaineer individu, kita berkewajipan untuk membawa perubahan yang positif, dari segi global dan juga tempatan. Kita mencapai hal tersebut melalui penglibatan dengan pelbagai komuniti yang kita tinggal dan beroperasi, dan dengan membangunkan penyelesaian yang meningkatkan kemapanan dan meminimumkan kesan terhadap alam seiktar.



## Cara Kita Bertanggungjawab

Kita berusaha untuk menjadi pengelola yang baik kepada alam sekitar serta rakan kongsi yang baik kepada komuniti kita.

### HAL INI BERMAKNA KITA:

- Mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar, di semua tempat yang kita beroperasi
- Mengenal pasti peluang untuk mengurangkan sisa dan pencemaran dalam perniagaan kita
- Membantu memelihara warisan budaya kita melalui Inisiatif Warisan Hidup
- Mengalakkan Mountaineer supaya mengambil cuti untuk menjadi sukarelawan
- Melaporkan kemajuan syarikat kita terhadap inisiatif alam sekitar, program tanggungjawab korporat dan sumbangan amal secara awam

### Ketahui lebih lanjut

Jika anda mempunyai soalan tentang kemapanan atau inisiatif tanggungjawab alam sekitar dan korporat kita, semak Laporan Tanggungjawab Korporat kita.

# MENGHORMATI HAK ASASI MANUSIA DAN MENCEGAH PERHAMBAAN MODEN

Menyokong dan menghormati hak asasi manusia adalah sebahagian daripada janji kita kepada warga dan komuniti global kita. Kita percaya bahawa semua individu mempunyai hak untuk diperlakukan dengan bermaruah dan hormat, dan kita memerlukan rakan niaga di seluruh rantai bekalan kita untuk berkongsi komitmen kita terhadap piawaian tinggi tersebut.

## Cara Kita Bertanggungjawab

Kita memperlakukan orang lain dengan layanan yang kita sendiri jangkakan dan mengambil langkah yang bermakna untuk mempertahankan dan melindungi hak asasi manusia dan mencegah perhambaan moden.

### Sebagai sebahagian daripada komitmen kita, kita:

- Menyediakan persekitaran kerja; waktu dan pampasan kerja untuk semua Mountaineer yang wajar dan sah
- Tidak menggunakan buruh kanak-kanak, banduan atau hamba – dan menilai sama ada rakan niaga kita mempertahankan komitmen ini
- Meminta pembekal perkhidmatan pihak ketiga menerima dan mematuhi Tatakelakuan Pembekal kita
- Menyuarkan kebimbangan kita jika kita melihat atau mengesyaki pencabulan hak asasi manusia

### Ketahui lebih lanjut

Jika anda mempunyai soalan tentang komitmen kita terhadap hak asasi manusia, bincang dengan pengurus anda dan semak Laporan Tanggungjawab Korporat kita dan Tatakelakuan Pembekal kita.



# MEMILIH RAKAN KONGSI YANG BETUL

Menjadi rakan kongsi syarikat yang sesuai membolehkan kita berkembang dengan skala dan menawarkan penyelesaian yang paling inovatif kepada pelanggan dan pekerja kita. Tetapi, kita tidak akan meminta pihak ketiga untuk melakukan aktiviti yang kita sendiri tidak selesa untuk melibatkan diri. Jika rakan kongsi kita tidak memenuhi jangkaan kita atau terlibat dalam kelakuan yang mencurigakan atau konflik kepentingan, kita — dan pelanggan kita — akan menerima padahnya. Kita **Berkongsi Tanggungjawab** dengan memilih rakan kongsi kita dengan berhati-hati, memantau kelakuan mereka dan memastikan mereka bertanggungjawab apabila perlu.



## Cara Kita Bertanggungjawab

Kita bertindak dengan piawaian etika yang paling tinggi, dan kita mengehendaki rakan niaga kita (termasuk pembekal, ejen, pekerja kontingen dan pihak lain yang bekerja bagi pihak kita) untuk melakukan perkara yang sama.

### Hal ini bermakna kita:

- Mengikut setiap langkah proses perolehan kita yang ketat
- Memastikan rakan kongsi mempunyai kemahiran dan pengalaman yang sesuai untuk kerja
- Hanya menjadi rakan kongsi syarikat yang mematuhi semua undang-undang pekerjaan dan hak asasi manusia yang terpakai
- Peka terhadap bendera merah dalam reputasi, sejarah kewangan atau terma pembayaran yang diminta oleh syarikat tersebut
- Memerlukan kontrak bertulis yang:
  - Mengikat rakan kongsi kepada dasar kita dan prinsip Tatakelakuan Pembekal kita
  - Memerlukan pematuhan ketat kepada undang-undang antitrust, antisogokan dan perhambaan moden
  - Menghadkan pengumpulan dan penggunaan data peribadi
  - Mengandungi terma kerahsiaan dan ketakdedahan yang kuat
  - Memberi Iron Mountain hak audit dan penamatan yang wajar


### Ketahui lebih lanjut:

Jika anda mempunyai soalan tentang piawaian dan jangkaan kita yang terpakai terhadap rakan niaga kita, bincang dengan pengurus anda atau Bahagian Perolehan dan semak Tatakelakuan Pembekal.



# MELINDUNGI JENAMA DAN REPUTASI KITA

Mengamalkan Nilai murni **Bertindak dengan Integriti** kita bermaksud memberikan maklumat tentang Iron Mountain yang jujur dan benar kepada setiap satu pemegang kepentingan kita. Komunikasi yang jujur dan boleh dipercayai membolehkan pelanggan kita dan orang ramai mempercayai kita dan percaya pada dokumen yang kita dedahkan. Oleh sebab itu, penting untuk bercakap dengan suara yang positif dan konsisten apabila berkomunikasi bagi pihak syarikat.



## Cara Kita Bertanggungjawab

Kita tidak patut bercakap bagi pihak syarikat melainkan kita dilantik secara rasmi untuk berbuat demikian.

### HAL INI BERMAKNA KITA:

- Merujuk semua permintaan pelabur, penganalisis dan media kepada Komunikasi Korporat atau Hubungan Pelabur secara hormat
- Tidak mendedahkan maklumat sulit
- Jangan salah guna jenama atau logo kita
- Elak daripada memberikan tanggapan bahawa pendapat peribadi kita ialah pendirian rasmi Iron Mountain

### Ketahui lebih lanjut:

Jika anda mempunyai soalan tentang cara melindungi jenama dan reputasi kita, bincang dengan pengurus anda, Pasukan Komunikasi Korporat kita atau Pasukan Hubungan Pelabur.

# POLITIK DI DALAM DAN DI LUAR TEMPAT KERJA

Kita percaya bahawa proses politik yang terbuka dan sihat akan melahirkan masyarakat yang lebih adil dan produktif. Kita juga percaya bahawa semua orang berhak menyuarakan kepercayaan sendiri dan menyertai hal ehwal sivik, namun semasa bekerja, kita mesti bertimbang rasa dan bersikap inklusif semasa membincangkan tujuan atau kepercayaan politik.



## Cara Kita Bertanggungjawab

Keterlibatan aktif dalam proses politik boleh menyebabkan perubahan yang positif kepada komuniti yang kita tinggal dan bekerja, namun kita perlu berhati-hati apabila membawa hal politik peribadi ke tempat kerja.

### HAL INI BERMAKNA KITA:

- Tidak menggunakan sumber syarikat, termasuk masa bekerja kita dan dana Iron Mountain, untuk melanjutkan tujuan atau kepercayaan politik peribadi
- Mengambil langkah (walaupun semasa aktiviti di luar waktu kerja) untuk memastikan bahawa kepercayaan politik peribadi tidak dianggap sebagai kepercayaan rasmi syarikat
- Jangan berkempen, mengumpul dana atau memancing undi untuk tujuan atau calon politik semasa bekerja
- Bersuara jika seseorang menggunakan nama Iron Mountain untuk mempromosikan pendirian politik peribadi
- Mengelak daripada memakai pakaian berjenama Iron Mountain semasa menghadiri acara politik
- Menggunakan maklumat perhubungan peribadi (bukan Iron Mountain) apabila menyumbang kepada tujuan atau calon politik

### Ketahui lebih lanjut:

Jika anda mempunyai soalan tentang penyertaan dalam politik dan hal ehwal kerajaan, bincang dengan pengurus anda dan semak Dasar Sumbangan Politik kita.

# MELARANG PERDAGANGAN ORANG DALAM

Sebagai pekerja, kita mungkin mempunyai akses kepada maklumat yang boleh digunakan untuk mempengaruhi keputusan pelaburan yang melibatkan Iron Mountain atau syarikat lain. Nilai murni **Bertanggungjawab atas Keselamatan dan Keterjaminan** kita bermaksud berhati-hati semasa melindungi maklumat bukan awam yang nyata dan maklumat orang dalam – tidak menggunakan untuk manfaat peribadi atau berkongsinya dengan orang lain agar mereka boleh memanfaatkannya.

## Cara Kita Bertanggungjawab

Perdagangan orang dalam menjaskan keyakinan pelabur kita dan pasaran.

### Mencegah penyalahgunaan maklumat orang dalam dengan:

- Berkongsi dengan orang yang perlu tahu sahaja
- Tidak membincangkannya dengan keluarga dan rakan
- Tidak membincangkannya secara terbuka atau pada media sosial
- Memastikan ia selamat – sama ada dengan mengunci laci atau pintu pejabat, ataupun sentiasa memastikan komputer riba dan peranti mudah alih selamat

### Maklumat orang dalam termasuk:

- Rancangan penggabungan dan pemerolehan
- Pendapatan atau kerugian terunjur
- Pelancaran produk atau perkhidmatan penting
- Perubahan kepimpinan eksekutif
- Penyusunan semula korporat yang besar
- Tuntutan mahkamah dan penyelesaian undang-undang yang penting
- Perubahan dalam strategi dividen dan cukai

### Ketahui lebih lanjut:

Jika anda mempunyai soalan tentang perdagangan orang dalam, hubungi Bahagian Undang-undang dan semak Dasar Perdagangan Orang Dalam kita.



# TALIAN ETIKA IRON MOUNTAIN

Anda boleh melaporkan kebimbangan atau pencabulan etika dan bertanyakan soalan, 24 jam sehari, 365 hari setahun, dengan menghubungi Talian Etika Iron Mountain. Talian Etika dikendalikan oleh syarikat bebas, dan (mengikut yang dibenarkan oleh undang-undang) anda boleh memilih untuk kekal tanpa nama sepenuhnya.

## UNTUK MEMBUAT LAPORAN MELALUI TELEFON:

Hubungi nombor untuk negara dan pembekal anda yang disenaraikan pada halaman berikut. (Jika anda tidak dapat menghubungi Talian Etika menggunakan nombor yang disenaraikan, sila sahkan nombor tersebut di [www.IMEthicsLine.com](http://www.IMEthicsLine.com).)

## UNTUK MEMBUAT LAPORAN DALAM TALIAN:

Failkan laporan dengan melawati [www.IMEthicsLine.com](http://www.IMEthicsLine.com).

## Nombor Talian Etika Iron Mountain

Argentina	+0 800 333 0095
Argentina	+00 800 1777 9999
Armenia	+1 720 514 4400
Australia	+001 800 1777 9999
Australia	+1 800 763 983
Austria	+800 281119
Belarus	+8 820 0011 0404
Belgium	+0800 260 39
Belgium (Comgen Brussels)	+00 800 1777 999
Brazil	+0800 892 2299
Brazil	+0021 800 1777 999
Brazil (Rio de Janeiro)	+55 212018 1111
Bulgaria	+0800 46038
Kanada	+800 461 9330
Kanada	+1 800 235 6302
Chile	+1230 020 3559
China - Semua Pembawa	+400 120 3062
China - Telecom and Unicom Sahaja	+00 800 1777 9999
Colombia	+844 397 3235
Colombia (Bogota)	+57 13816523
Croatia	+0800 806 520
Cyprus	+8009 4544

Republik Czech	+800 701 383
Denmark	+8082 0058
Denmark	+00 800 777 9999
Dubai	+8000 3570 3169
Estonia	+800 0100 431
Finland	+0800 07 635
Finland (Sonera)	+990 800 1777 9999
Perancis	+805 080339
Perancis (termasuk Andora, Corsica, Monaco)	+00 800 1777 9999
Jerman	+0800 181 2396
Jerman (Deutsche Bundespost Telekom)	+00 800 1777 9999
Greece	+00800 1809 202 5606
Hong Kong (Semua Pembawa)	+800 906 069
Hong Kong (CW)	+001 800 1777 9999
Hungary (Semua Pembawa)	+36 212111440
Hungary	+00 800 1777 9999
India (VSNL)	+000 800 100 3428
India (Semua Pembawa)	+000 800 100 4175
India (Kolkata)	+91 337 1279005
Indonesia	+803 015 203 5129
Indonesia (Jakarta)	+62 21 50851420
Ireland (Semua Pembawa)	+1800 904 177

Ireland (Telecom Eireann)	+00 800 1777 9999
Kazakhstan	+8 800 333 3511
Latvia	+8000 4721
Lithuania	+8 800 30451
Malaysia	+60 0 1548770383
Malaysia (Telekom Malaysia)	+00 800 1777 9999
Mexico (Semua Pembawa)	+800 681 6945
Mexico (Telmex)	+001 866 376 0139
Netherlands (Semua Pembawa)	+0 800 022 0441
Netherlands (Telecom Netherlands)	+00 800 1777 9999
New Zealand (Semua Pembawa)	+0800 002 341
New Zealand (Telecom)	+00 800 1777 9999
Norway (Semua Pembawa)	+800 24 664
Norway (Telenor Nett)	+00 800 1777 9999
Peru	+0800 78323
Filipina (Manila - Semua Pembawa)	+63 2 8626 3049
Filipina (PLDT)	+00 800 1777 9999
Poland (Semua Pembawa)	+00 800 141 0213
Poland (Polish Telecom)	+00 800 111 3819
Romania	+0 800 360 228
Rusia	+8 800 100 9615
Serbia	+0800 190 167

Singapura (Semua Pembawa)	+800 852 3912
Singapura (Singapore Telecom)	+001 800 1777 9999
Slovakia	+0 800 002 487
Afrika Selatan	(Johannesburg - Semua Pembawa) +27 105004106
Afrika Selatan (Posts & Telecom)	+00 800 1777 9999
Korea Selatan (Semua Pembawa)	+080 808 0574
Korea Selatan (Dacom)	+002 800 1777 9999
Sepanyol	+900 905460
Sepanyol	(termasuk Kepulauan Canaria) - Telefonica +00 800 1777 9999
Sweden	+020 889 823
Sweden (Telia Telecom AB)	+00 800 1777 9999
Switzerland	+0800 838 835
Switzerland (termasuk Lichtenstein)	+00 800 1777 9999
Taiwan (Semua Pembawa)	+0080114 7064
Taiwan (Chunghura Telecom)	+00 800 1777 9999
Thailand (Semua Pembawa)	+1 800 012 657
Thailand (Comm Authority of Thailand)	+001 800 1777 9999
Turki	+90 850 390 2109
Ukraine	+0 800 501134
United Kingdom	+0 808 189 1053
Amerika Syarikat	+800 461 9330
Amerika Syarikat	+1 503 726 2429

# KOD ETIKA dan TATAKELAKUAN PERNIAGAAN





IRON

MOUNTAIN®

One Federal Street  
Boston, MA 02110  
1.800.899.4766

[ironmountain.com](http://ironmountain.com)